

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS terima 278 pelajar baru

um 23/5/2012 26

KOTA KINABALU 22 Mei - Pusat Persediaan Sains dan Teknologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima seramai 278 pelajar baru bagi sesi 2012/2013.

Bahagian Perhubungan Korporat

UMS, Salbinous Saribun berkata, pengambilan bagi program itu merupakan yang ketiga sejak diperkenalkan pada 2010 dengan seramai 33 pelajar bagi sesi 2010/2011.

“Pada sesi berikutnya, pengam-

bilan pelajar bertambah kepada 60 orang dan tahun ini, jumlah itu meningkat lebih tinggi. Majlis Minggu Suai Mesra Asasi Sains berlangsung selama lima hari sehingga 25 Mei ini,” katanya dalam satu kenyataan

di sini semalam.

Salbinous berkata, Program Asasi Sains Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, UMS diluluskan penubuhannya pada akhir 2009 itu bertujuan melahirkan pelajar yang ber-

pengetahuan dan minat mendalam dalam sains asas dapat menceburi bidang pengkhususan berasaskan sains dan teknologi apabila melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UMS.